BH ONLINE

Selasa, 15 Jun 2021, 9:23am

App Store Google Play

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

# 1.3 juta dos Pfizer diagihkan minggu ini hingga 2 Julai

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Luqman Arif Abdul Karim - Jun 14, 2021 @ 2:09pm
bhnews@bh.com.my

11

1.3 juta dos Pfizer diagihkan minggu ini ...

PUTRAJAYA: Malaysia dijadualkan menerima bekalan vaksin Pfizer-BioNTech membabitkan 1,333,800 dos lagi untuk diagihkan pada minggu ini hingga awal bulan depan.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata sebanyak 444,600 dos berkenaan atau 33.33 peratus akan diagihkan pada Rabu hingga 18 Jun ini.

Seterusnya, beliau berkata, dua lagi kuantiti dos vaksin yang sama dijadual diagihkan masing-masing pada 23 hingga 25 Jun dan 30 Jun hingga 2 Julai depan.

"Mengikut data setakat semalam, pendaftaran bagi fasa kedua PICK telah mencapai 4,531,790 individu. Seramai 2,458,432 yang direkodkan ialah kumpulan warga emas.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Perjanjian fasa ketiga perolehan vaksin Pfizer dimeterai - Dr Adham
- Vaksin COVID-19: Lebih 2 juta sudah mendaftar
- Kadar pemberian vaksin hampiri 30,000 sehari
- N Sembilan nafi tuduhan jual vaksin

"Hingga 18 Jun depan, jumlah penerima vaksin yang mendapat serta dijadualkan janji temu daripada fasa kedua ialah 2,437,168 individu.

TERKINI PILIHAN PEMBACA

7m GEES PETRONAS tingkat kebolehpasaran graduan bidang pekerjaan, perniagaan
18m EURO: Bukan gol nasib - Schick
39m EURO: Morata kena ejek penyokong sendiri
43m Berhati-hati tangani propaganda antivaksin
52m 'Ini zaman media sosial'
58m Serangan trak: Suspek turut dikenakan pertuduhan keganasan
1h EURO: Ronaldo tak minum Coca-Cola
1h COPA: Argentina diikat Chile

VAKSIN


NASIONAL 43 minit yang lepas
Berhati-hati tangani propaganda antivaksin


NASIONAL 10 jam yang lepas
MAGERAN: Peguam buat laporan polis terhadap Dr Mahathir


NASIONAL 10 jam yang lepas

"Bilangan warga emas yang menerima vaksin pula ialah 1,231,177 orang. Kadar keseluruhan vaksinasi negara terus meningkat dan tidak banyak menurun pada hujung minggu lalu di mana ia masih mencatatkan rekod 100,000 dos ke atas dalam tempoh sehari.

"Purata vaksin diberi bagi tempoh antara 7 hingga 13 Jun lalu ialah 130,842 dos sehari, iaitu meningkat 94,481 dos sehari berbanding minggu sebelumnya," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF), di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Berdasarkan perangkaan semasa, Khairy Jamaluddin berkata, sebanyak 5,955,092 dos vaksin diedarkan ke seluruh negara dengan 61 peratus atau 3,632,850 dos daripadanya ialah Pfizer keluaran syarikat farmaseutikal Amerika Syarikat (AS).

Selain itu, beliau berkata, 1,674,142 dos ialah Coronavac atau Sinovac, manakala vaksin AstraZeneca pula 648,100 dos.

"Lima negeri tertinggi dalam pengedaran vaksin ialah Kuala Lumpur dan Putrajaya membabitkan 902,690 dos atau 15.15 peratus (%) daripada keseluruhan pengagihan, Selangor (898,230 / 15.08%), Sarawak (697,736 / 11.71%), Johor (547,280 / 9.19%) dan Sabah (503,590 / 8.46%)," katanya.




Gambar hiasan - FOTO AFP

## BERITA BERKAITAN



NASIONAL Mei 10, 2021 @ 5:50pm

**1.4 juta vaksin Pfizer, AstraZeneca tiba mulai minggu depan**




NASIONAL Mei 27, 2021 @ 9:28pm

**Lapan juta dos vaksin tiba Jun, Julai**







**Pelancongan domestik dijangka buka semula Oktober**

NASIONAL 10 jam yang lepas

**Hanya 22.9 peratus daftar vaksin di Sabah**





NASIONAL Jun 14, 2021 @ 5:20pm

**Perlu ramai lagi bantuan pengamal perubatan swasta**



NASIONAL Jun 14, 2021 @ 4:50pm

**Suntikan vaksin di masjid mudahkan penduduk**

## TRENDING



BOLA 19 minit yang lepas

**EURO: Bukan gol nasib - Schick**



BOLA sejam yang lepas

**EURO: Ronaldo tak minum Coca-Cola**



NASIONAL 10 jam yang lepas

**MAGERAN: Peguam buat laporan polis terhadap Dr Mahathir**



RAKET 11 jam yang lepas

**Markis Kido meninggal dunia**



AMERIKA Jun 14, 2021 @ 6:36pm

**China didakwa hasilkan senjata biologi untuk perang**

## MYRESIPI



TIPS & PETUA Jun 14, 2021 @ 2:03pm

**Tips Pilih Buah Durian Supaya Dapat Isi Yang Lemak, Cantik & Sedap. Barulah Berbaloi Kalau Beli!**



RESEPI Jun 14, 2021 @ 2:01pm

**Jom Buat Roti Bakar Kaya Butter Ala Kopitiam, Guna 3 Bahan Je!**



TIPS & PETUA Jun 11, 2021 @ 9:55pm

**Tips Mudah Kopek Kerang, Supaya Isi Tidak Hancur & Kekal Cantik**



RESEPI Jun 11, 2021 @ 9:54pm

**Resepi Kuey Teow Goreng Sup Siam, Terlajak Sedap!**



NASIONAL Mac 21, 2021 @ 12:32pm

## Fasa 1 vaksinasi COVID-19 capai kemajuan 80 peratus



NASIONAL Jun 6, 2021 @ 1:31pm

## Hampir 1.13 juta individu terima dua dos



TIPS & PETUA Jun 10, 2021 @ 4:23pm

## Tips Bagi Mengekalkan Kelembutan Daging, Confirm Tak Liat!

Disyorkan untuk anda

Recommended by

**Stiff ASEAN liquor laws stun beer brands fro…**
Nikkei Asia

**Ivanka Trump and Jared Kushner Lease Miami…**
Mansion Global

**COVID-19 - Latest news and coverage**
CNA

**Petaling Jaya: Unsold SUVs are almost being…**
Unsold SUVs | Sponsor…

**Malaysia: Work-from-home jobs in the US may p…**
Working From Home | …

**The Cost of Home Stairlifts in Petaling Jaya in…**
Stair Lift | Search Ads

**Petaling Jaya: Liquidation of Unsold 2020…**
SUV Deals | Search Ads

**Discover Luxury Retirement Homes Near…**
Senior Living | Search …

IKUTI KAMI DI:

**BERITA**
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

**SUKAN**
**DUNIA**
**HIBURAN**
**BISNES**
**RENCANA**
**WANITA**
**HUJUNG MINGGU**

**MULTIMEDIA**
Foto
BHTV
Infografik

**LANGGAN**
Akhbar Digital
Akhbar BH

**PERKHIDMATAN**
Iklan Web
1Klassifieds
NSTP KLiK

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi